

Graduan cemerlang

UMS terima sumbangan

UB 26.11.16 A5

► *Kali keempat disumbangkan oleh Yayasan Nur Jauhar*

KOTAKINABALU: Seramai 10 graduan cemerlang dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) terima sumbangan daripada Yayasan Nur Jauhar (YNJ).

Pengerusinya, Mejar Kehormat Al Hambra Tun Juhar berkata mereka dipilih berdasarkan pencapaian keputusan cemerlang dan merupakan calon penerima pingat serta anugerah graduan pada Majlis Konvokesyen ke-18 UMS 2016.

“Penyampaian sumbangan ini merupakan acara tahunan yang keempat oleh YNJ sebagai pendorong dan tanda menghargai sumbangan mereka sepanjang belajar di institusi berkenaan,” katanya selepas Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Mahasiswa Cemerlang UMS di Istana Negeri pada Khamis.

Penaung YNJ, Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Datuk Norlidah R.M Jasni hadir menyampaikan sumbangan kepada para graduan.

Graduan yang berasal dari Negara China, Tong Xia Li, 29, berkelulusan Ijazah Sarjana Perniagaan (kewangan dan Perbankan) berkata beliau amat bersyukur dan terima kasih kepada TYT yang sudi memberi sumbangan yang amat bermakna buat dirinya.

Beliau merupakan calon kategori Pascasiswazah (Antarabangsa) berkata akan melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di New Zealand.

Tambah Tong, UMS merupakan antara



LOW (kiri) menerima sumbangan daripada Tun Juhar (tiga kanan) sambil diperhatikan Norlidah (dua kanan).

universiti yang popular di peringkat antarabangsa.

Bagi Angel Kuok Mei Erh, 24, dari Perak pula mengucapkan terima kasih kepada Cancellor, Naib Canselor, semua pensyarah yang sudi memberi panduan pendedahan sehingga beliau mencapai keputusan akademik cemerlang sekali gus menerima Pingat Emas Cancellor.

Manakala, Low Chong Hoo, 59, berasa bangga dengan kejayaan anaknya Low Kien Yong, 24, penerima Anugerah Pelajaran

Diraja (Bukan Bumiputra) yang turut menerima sumbangan YNJ.

Turut hadir, Naib Cancellor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dan Isteri, Datin Baidah Ibrahim; Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. D Kamaruddin Mudin; Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Madya Dr. Ismail Ali; Setiausaha Perhubungan Istana Negeri, Mohd Rashid Mohd Tahir serta para ibubapa graduan. -Penerangan



IBU bapa merakamkan kenangan bersama Tun Juhar (duduk, dua kiri) dan Toh Puan (duduk, dua kanan) serta Harun (duduk, kiri).